

## MAJLIS PERASMIAN PENUTUP DAN PENYERAHAN *TRAVEL GUIDE JELAJAH FTROADPEDIA ZON UTARA*

**Perlis** : Jelajah FTroadpedia yang dianjurkan oleh Kementerian Kerja Raya telah menjangkau perjalanannya hingga ke 2,033km ke Jalan-Jalan Persekutuan merangkumi perjelajahan dari FTroadpedia Zon Tengah (203km), Zon Timur (462km), Zon Selatan (688km) dan Zon Utara (680km). Terkini adalah Zon Utara yang berlangsung dari 24 hingga 26 Julai 2017. Sesuatu pencapaian yang hebat dan ini merupakan hasil kerja kuat tanpa mengenal penat lelah YB Menteri Kerja Raya YB. Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof dalam mempromosikan jalan persekutuan kepada orang ramai bersama semua warga kerja Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensi di bawahnya termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Ia bermula hasil cetusan ide oleh Menteri Kerja Raya bertujuan untuk mengembalikan era kegemilangan jalan-jalan persekutuan yang sewajarnya dekat dihati rakyat. Objektif utama Jelajah FTRoadpedia KKR 2017 adalah bagi mengajak rakyat mengenali dan mendekati 'jalan lama' yang kaya dengan kepelbagaian sosio budaya kehidupan masyarakat serta keindahan alam semula jadi di seluruh pelusuk negara yang perlu diterokai. Selain itu, Kementerian ingin memberi kesegaran pandangan (refreshing outlook) terhadap Jalan Persekutuan yang dibina dan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  [Kementerian Kerja Raya](#) |  [@MOWorks](#) |  [Pro@kk.gov.my](mailto:Pro@kk.gov.my)

Dengan slogan “cipta detik indah bersama” (Let’s Create A Moment), jelajah FTroadpedia ingin mengukir kembali keseronokan yang bakal dikecapi oleh rakyat Malaysia dengan menikmati kembara budaya dan gaya hidup masyarakat setempat. Selain itu, ketika kunjungan di Utara, rombongan jelajah terhibur dengan aksi boria dan tarian tradisional Melayu, makanan tempatan seperti pasembor, peknga, laksa utara, mangga harumanis, durian Balik Pulau, pau yik mun, mee kari udang dan lain-lain lagi. Antara bandar-bandar utama yang dilalui dalam siri jelajah pada kali ini ialah Ipoh, Georgetown, Alor Setar dan Kangar. Selain itu, Jalan Persekutuan FT01, FT06 dan FT07 turut melalui bandar seperti Rawang, Kuala Kubu Bharu, Tanjung Malim, Slim River, Bidor, Tapah, Gopeng, Kampar, Ipoh, Sungai Siput, Kuala Kangsar, Taiping, Butterworth, Sungai Petani dan Padang Besar.

Sempena sambutan bulan Kemerdekaan, Jelajah FTRoadpedia Zon Utara turut membawa semangat Ekspresi Negaraku dengan satu kempen kesedaran kepada rakyat mengenai sumbangan besar Jalan Persekutuan bermula sebelum negara mencapai kemerdekaan sehingga kini kepada pembangunan negara dan seterusnya agar penggunaan Jalan Persekutuan dioptimumkan oleh seluruh rakyat. Jalan Persekutuan perlu dilihat sebagai jalan utama dan bukannya jalan pilihan. Jika diimbaz kembali Jalan Persekutuan 1 (FT01) jajaran Negeri Kedah dipercayai sebagai jalan raya awam terawal yang dibina di Malaysia. Pembinaannya bermula pada tahun 1880 atas titah perintah Sultan Kedah pada masa itu, Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, bagi menghubungkan antara Alor Setar, Kedah dengan Songkhla, Thailand. Kini, jalan raya tersebut juga membentuk sebahagian daripada jajaran Jalan Phetkasem (Laluan Kebangsaan Thailand 4), di Thailand 7.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📞: 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Jelajah FTRoadpedia masih mengekalkan format yang terdahulu iaitu turut membawa pengamal media (media cetak dan elektronik), blogger dan rakan strategik KKR dalam jelajah ini. Ini kerana impak daripada perkongsian dalam media sosial tidak dapat dinafikankan lagi dan amat membanggakan. “Hashtag” KKR mengenai jelajah ini menjadi “tranding” beberapa minggu dalam media sosial antaranya #FTRoadpediaZonSelatan, #Ciptadetikindahbersama, #FTRoadpedia. Manakala hebahan pengamal media masih relevan dan melalui informasi yang dipaparkan oleh media arus perdana orang ramai dapat mengenali jalan-jalan persekutuan dan sedar akan tarikan yang ditawarkan kepada pengguna jalan persekutuan.

Selain itu, rombongan Jelajah FTRoadpedia dibawa melihat tapak projek iaitu Projek Menaiktaraf Jalan FT06 Bayan Lepas, Pulau Pinang dan Projek Membina Jalan Baru Pulau Bunting, Yan, Kedah. Satu lagi elemen tambahan dalam Jelajah FTRoadpedia Zon Utara ini ialah Audit Pemantauan Pembinaan yang merupakan aktiviti pemeriksaan yang dilaksanakan untuk menverifikasi dan memastikan proses atau produk pembinaan dilaksanakan oleh kontraktor mematuhi semua syarat, spesifikasi dan pernyataan yang ditetapkan dalam kontrak. Bagi audit pematuhan R&R pula, pemeriksaan akan melibatkan aspek premis, pengendali makanan dan proses penyediaan makanan menepati amalan kebersihan dan keperluan sanitasi ke arah memastikan penghasilan makanan yang selamat kepada pelanggan khususnya pengguna lebuhraya.

Manakala pada malam ini adalah acara Majlis Perasmian Penutup dan Penyerahan *Travel Guide* Zon Utara dan frame Jelajah FTRoadpedia Zon Utara oleh YB Menteri Kerja Raya kepada YAB Menteri Besar Perlis. Turut dipaparkan ialah tayangan montaj dan gimik Jelajah FTRoadpedia Zon Utara. FTRoadpedia *travel guide* dan *infomap* adalah bahan rujukan berbentuk ensiklopedia yang memberikan informasi khusus mengenai Jalan

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Persekutuan (*Federal Trunk Road*). Jalan Persekutuan adalah jalan-jalan penghubung antara negeri ke satu negeri dan dilabelkan dengan kod F atau FT. Jalan negeri dan bandaran adalah jalan-jalan penghubung antara Bandar ke Bandar dan dilabelkan dengan kod negeri-negeri berkenaan. Roadpedia bermaksud JELAJAH BERMAKLUMAT melalui jalan-jalan persekutuan (*Federal Trunk Road*), bertujuan untuk mempromosi dan menggalakkan penggunaan jalan persekutuan sebagai jalan utama. Program ini diharap dapat memberi nafas baru dan perspektif positif kepada Jalan Persekutuan, sambil berpeluang untuk menikmati sosio budaya setempat. Empat informasi yang ada dalam travel guide ialah :

- MAKAN : restoran, gerai atau kompleks menjamu selera yang terkenal;
- LAWAT: Tempat bersejarah, mercu tanda, kawasan pelancongan dan kompleks membeli-belah;
- REHAT: R&R, masjid, hotel dan kawasan rekreasi;
- RAWAT: Hospital, klinik, balai polis, stesen minyak dan bengkel.

FTRoadpedia dan KKR adalah sinonim dan merupakan platform baru oleh Kementerian dalam mendekati orang ramai bagi mempromosikan Jalan Persekutuan. Inisiatif ini diharap dapat diteruskan pada masa akan datang kerana mendapat impak yang sangat positif. Banyak lagi Jalan Persekutuan yang perlu diterokai dan diketengahkan kepada masyarakat disamping juga dapat membantu mempromosikan sosio-ekonomi masyarakat setempat. Jalan Persekutuan menawarkan begitu banyak keterujaan, keseronokan, nostalgia dan sesuatu yang tidak akan diperolehi jika kita melalui jajaran lebuhraya bertol.

## **KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**30 JULAI 2017**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📞: 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my